



ENERGY COMMISSION



**SURUHANJAYA TENAGA
ENERGY COMMISSION**
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8870 8500
Fax: 03-8888 8637
Email: info@st.gov.my

www.st.gov.my
1-800-2222-78



ABOUT ENERGY COMMISSION

The Energy Commission is a statutory body responsible for regulating the energy sector particularly the electricity supply and piped gas supply industries in Peninsular Malaysia and Sabah. The Energy Commission ensures that the supply of electricity and piped gas to consumers is secure, reliable, safe and at reasonable prices.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga merupakan badan berkanun yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga khususnya pembekalan elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga perlu memastikan tenaga elektrik dan gas berpaip yang dibekalkan kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.





BACKGROUND

The energy sector in Malaysia has undergone significant changes since the 1990s. This was driven by the Government's aim to enhance supply security, improve efficiency and quality in utility services and increase the private sector's participation in infrastructure development.

In its efforts to further enhance the performance of the energy supply industry in Malaysia, on 1st May 2001, the Government established the Energy Commission under the Energy Commission Act 2001. The Energy Commission became fully operational on 1st January 2002 and assumed all the responsibilities of the Department of Electricity and Gas Supply which was dissolved on the same date.

In line with the objectives of its formation, the Energy Commission aims to balance the needs of consumers and providers of energy to ensure safe and reliable supply at reasonable prices, protect public interest, and foster economic development and competitive markets in an environmentally sustainable manner.

LATAR BELAKANG

Sektor tenaga di Malaysia telah mengalami perubahan yang ketara sejak tahun 1990. Ianya selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan jaminan pembekalan, kecekapan dan kualiti perkhidmatan utiliti serta menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan infrastruktur.

Dalam usaha untuk meningkatkan prestasi industri pembekalan tenaga di Malaysia, pada 1hb Mei 2001, Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Tenaga di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001. Suruhanjaya Tenaga beroperasi sepenuhnya pada 1hb Januari 2002 dan mengambil alih tanggungjawab Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas yang dibubarkan pada tarikh yang sama.

Sejajar dengan objektif penubuhannya, Suruhanjaya Tenaga berazam untuk mengimbangi keperluan pengguna dan pembekal tenaga bagi memastikan pembekalan yang selamat dan berdaya harap pada harga yang berpatutan, melindungi kepentingan pengguna, menggalakkan pembangunan ekonomi dan pasaran yang kompetitif dalam persekitaran yang lestari.



VISION

The Energy Commission strives to be a highly effective energy regulator as well as the authority on energy matters.

VISI

Suruhanjaya Tenaga sentiasa berusaha untuk menjadi badan kawal selia sektor tenaga yang berkesan serta berwibawa dalam bidang tenaga.

MISSION

The Energy Commission aims to balance the needs of consumers and providers of energy to ensure safe and reliable supply at reasonable prices, protect public interest, and foster economic development and competitive markets in an environmentally sustainable manner.

MISI

Suruhanjaya Tenaga berazam untuk mengimbangi keperluan pengguna dan pembekal tenaga bagi memastikan pembekalan yang selamat dan berdaya harap pada harga yang berpatutan, melindungi kepentingan awam, dan menggalakkan pembangunan ekonomi dan pasaran yang kompetitif dalam persekitaran yang lestari.




DELIVERABLES

- The energy supply industry and its markets are highly progressive, competitive and resilient.
- All parties involved in the energy supply industry are playing their roles and are operating in an orderly and well-controlled manner; constantly in a high state of readiness; with the highest standard of professionalism possible.
- Public interest, in general, and consumer interests, in particular, are well protected in the context of decisions and activities by the energy supply industry players.
- The Government of Malaysia, in general, and the Minister, in particular, are constantly in a high state of being advised on all matters pertaining to the running of the energy supply industry and to situations regarding the availability and requirements of energy in Malaysia.

KEBERHASILAN

- Industri pembekalan tenaga dan pasarannya adalah progresif, berdaya saing dan berdaya tahan.
- Semua pihak yang terlibat dalam industri pembekalan tenaga memainkan peranan dan beroperasi secara tersusun dan terkawal; sentiasa bersedia, dengan standard profesionalisme yang tinggi.
- Pihak industri pembekalan tenaga sentiasa melindungi kepentingan awam, secara amnya, dan kepentingan pengguna, khususnya, dalam melaksanakan keputusan dan aktiviti industri.
- Kerajaan Malaysia, secara amnya, dan Menteri, khususnya, sentiasa dinasihati dalam hal-hal berkaitan industri pembekalan tenaga dan kesediaadaan serta keperluan tenaga di Malaysia.

INSTITUTIONAL AND REGULATORY STRUCTURE IN ELECTRICITY AND PIPED GAS SUPPLY INDUSTRY





MAIN FUNCTIONS

The Energy Commission's functions as prescribed under the Energy Commission Act 2001 are:

- a) To advise the Minister on all matters concerning the national policy objectives for energy supply activities;
- b) To advise the Minister on all matters relating to the generation, production, transmission, distribution, supply and use of electricity as provided under the electricity supply laws;
- c) To advise the Minister on all matters relating to the supply of gas through pipelines and the use of gas as provided under the gas supply laws;
- d) To implement and enforce the energy supply laws;
- e) To regulate all matters relating to the electricity supply industry and to protect any person from dangers arising from the generation, production, transmission, distribution, supply and use of electricity as provided under the electricity supply laws;
- f) To regulate all matters relating to the supply of gas through pipelines and to protect any person from dangers arising from the supply of gas through pipelines and the use of gas as provided under the gas supply laws;
- g) To promote efficiency, economy and safety in the generation, production, transmission, distribution, supply and use of electricity and in the supply of gas through pipelines and the use of gas supplied through pipelines;
- h) To promote and safeguard competition and fair and efficient market conduct or, in the absence of a competitive market; to prevent the misuse of monopoly or market power in respect of the generation, production, transmission, distribution and supply of electricity and the supply of gas through pipelines;

- i) To promote the use of renewable energy and the conservation of non-renewable energy;
- j) To promote research into, and the development and the use of, new techniques relating:-
 - i) the generation, production, transmission, distribution, supply and use of electricity; and
 - ii) the supply of gas through pipelines and the use of gas supplied through pipelines;
- k) To encourage and promote the development of the electricity supply industry and the supply of gas through pipelines including in the area of training;
- l) To encourage and promote self-regulation in the electricity supply industry and the supply of gas through pipelines;
- m) To carry out any function conferred by or under the energy supply laws;
- n) To review the energy supply laws and to make the necessary recommendations to the Minister; and
- o) To carry on all such activities as may appear to the Commission requisite, advantageous or convenient for the purpose of carrying out or in connection with the performance of its functions under the energy supply laws.



FUNGSI UTAMA

Fungsi Suruhanjaya Tenaga di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 adalah :

- a) Menasihati Menteri tentang segala perkara yang berkenaan dengan objektif dasar kebangsaan bagi aktiviti pembekalan tenaga;
- b) Menasihati Menteri tentang segala perkara yang berhubung dengan penjanaan, pengeluaran, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang pembekalan elektrik;
- c) Menasihati Menteri tentang segala perkara yang berhubung dengan pembekalan gas melalui talian paip dan penggunaan gas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang pembekalan gas;
- d) Melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan undang-undang pembekalan tenaga;
- e) Mengawal selia segala perkara yang berhubung dengan industri pembekalan elektrik dan melindungi mana-mana orang daripada bahaya yang berbangkit daripada penjanaan, pengeluaran, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang pembekalan elektrik;
- f) Mengawal selia segala perkara yang berhubung dengan pembekalan gas melalui talian paip dan melindungi mana-mana orang daripada bahaya yang berbangkit daripada pembekalan gas melalui talian paip dan penggunaan gas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang pembekalan gas;
- g) Menggalakkan kecekapan, keekonomian dan keselamatan dalam penjanaan, pengeluaran, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik dan dalam pembekalan gas melalui talian paip dan penggunaan gas yang dibekalkan melalui talian paip;
- h) Menggalakkan dan melindungi persaingan dan pengendalian pasaran yang adil dan cekap atau, dalam ketiadaan pasaran bersaingan, mencegah penyalahgunaan monopoli atau kuasa pasaran berkenaan dengan penjanaan, pengeluaran, penghantaran, pengagihan dan pembekalan elektrik dan pembekalan gas melalui talian paip;

- i) Menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan penjimatatan tenaga tidak dapat diperbaharui;
- j) Mengalakkan penyelidikan tentang, dan pembangunan dan penggunaan, teknik baru berhubung dengan :-
 - i) penjanaan, pengeluaran, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik; dan
 - ii) pembekalan gas melalui talian paip dan penggunaan gas yang dibekalkan melalui talian paip;
- k) Mendorong dan mengalakkan pembangunan industri pembekalan elektrik dan pembekalan gas melalui talian paip termasuklah dalam bidang latihan;
- l) Mendorong dan menggalakkan pengawalseliaan sendiri dalam industri pembekalan elektrik dan pembekalan gas melalui talian paip;
- m) Menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan oleh atau di bawah undang-undang pembekalan tenaga;
- n) Mengkaji semula undang-undang pembekalan tenaga dan membuat syor yang perlu kepada Menteri; dan
- o) Menjalankan segala aktiviti yang didapati oleh Suruhanjaya dikehendaki, berfaedah atau mudah bagi maksud menjalankan atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah undang-undang pembekalan tenaga.




ORGANISATIONAL STRUCTURE

The governance of the Energy Commission is entrusted to its Chairman and the Commission members who are responsible to the Minister in charge of energy. The roles and functions of the Energy Commission are executed by the various Departments, Units and nine (9) regional offices.

STRUKTUR ORGANISASI

Suruhanjaya Tenaga ditadbir urus oleh Pengerusi dan Anggota Suruhanjaya yang bertanggungjawab kepada Menteri yang bertanggungjawab dalam aspek tenaga. Fungsi dan peranan Suruhanjaya Tenaga dilaksanakan oleh Jabatan-Jabatan, Unit-unit dan sembilan (9) Pejabat-pejabat Kawasan.



ROLES AND RESPONSIBILITIES

Economic Regulation - to promote efficiency and economy in the generation, transmission, distribution, supply and use of electricity and in the reticulation and use of gas; promoting and safeguarding competition; enabling fair and efficient market conduct or, in the absence of a competitive market, to prevent the misuse of monopoly or market power in the electricity and piped gas industries.

Technical Regulation - to ensure security, reliability and quality in electricity and piped gas supplies.

Safety Regulation - to protect the public from dangers arising from the generation, transmission, distribution and supply and use of electricity and the supply and use of piped gas.

Consumer Protection - to protect consumers in areas such as dispute resolution, affordability of services as well as quality supply and services from electricity and piped gas utilities.



PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Kawal Selia Ekonomi - menggalakkan kecekapan dan keekonomian dalam penjanaan, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik dan gas berpaip; menggalakkan dan melindungi persaingan serta memastikan pengendalian pasaran secara adil dan cekap, atau dalam situasi tiada persaingan dalam pasaran tenaga, memastikan tidak berlaku kes monopoli dalam aspek penjanaan, penghasilan, pengagihan dalam industri bekalan elektrik dan gas.

Kawal Selia Teknikal - memastikan bekalan elektrik dan gas berpaip adalah terjamin, berdaya harap dan berkualiti.

Kawal Selia Keselamatan - melindungi orang awam dari bahaya yang timbul dari penjanaan, penghantaran dan pengagihan bekalan elektrik serta pembekalan dan penggunaan gas berpaip.

Perlindungan Pengguna - melindungi pengguna dalam penyelesaian pertikaian, kemampuan terhadap perkhidmatan dan bekalan serta perkhidmatan yang berkualiti dari syarikat pembekal tenaga.

CONTACT US / HUBUNGI KAMI

HEADQUARTERS / IBU PEJABAT

Suruhanjaya Tenaga,
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100, Putrajaya,
Malaysia.
Telephone: 03-8870 8500
Fax: 03-8888 8637

(Pahang)
Tingkat 7, Kompleks Teruntum
Jalan Mahkota
25000 Kuantan
Pahang.
Tel: 09 - 514 2803
Fax: 09 - 514 2804

(East Coast of Sabah)
Tingkat 3, Wisma Saban KM12
W.D.T. No. 25
90500 Sandakan
Sabah.
Tel : 089 - 666 695
Fax: 089 - 660 279

REGIONAL OFFICES

PEJABAT KAWASAN
(Pulau Pinang, Kedah & Perlis)
Tingkat 10, Bangunan KWSP
13700 Seberang Jaya, Butterworth
Pulau Pinang.
Tel: 04 - 398 8255
Fax: 04-930 0225

(Selangor, Kuala Lumpur & Putrajaya)
Tingkat 10, Menara PKNS
No. 17, Jalan Yong Shook Lin
46050 Petaling Jaya
Selangor.
Tel: 03 - 7955 8930
Fax: 03 - 7955 8939

(Negeri Sembilan & Melaka)
Tingkat 4, Wisma Perkeso,
Jalan Persekutuan, MITC,
75450 Ayer Keroh,
Melaka.
Tel: 06 - 231 9594
Fax: 06 - 231 9620

(Perak)
Tingkat 1, Bangunan KWSP
Jalan Greentown
30450 Ipoh
Perak.
Tel: 05 - 253 5413
Fax: 05 - 255 3525

(Johor)
Suite 18A, Aras 18
Menara ANSAR 65
Jalan Trus
80000 Johor Bharu
Johor.
Tel: 07 - 224 8861
Fax: 07 - 224 9410

(Kelantan & Terengganu)
Tingkat 6, Bangunan KWSP
Jalan Padang Garong
15000 Kota Bharu
Kelantan.
Tel: 09 - 748 7390
Fax: 09 - 744 5498

(West Coast of Sabah)
Tingkat 7, Bangunan BSN
Jalan Kemajuan
88000 Kota Kinabalu
Sabah
Tel: 088 - 232 447
Fax: 088 - 232 444

